



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 1 JANUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	200 KILOGRAM PRODUK PERTANIAN THAILAND DIRAMPAS, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SH -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA [MAQIS]
2.	200 ANAK POKOK DARI THAILAND DIRAMPAS, SINAR NEGERI PERAK, SH -36	

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
			SURAT
1/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PERAK	36

## 200 anak pokok dari Thailand dirampas

### PENGKALAN HULU - Jabatan

Perkhidmatan kuarantin dan Peneksan Malaysia (Maqis) Perak merampas 200 anak pokok pelbagai jenis di pintu masuk Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini yang dibawa masuk dari Thailand.

Pengarah Maqis Perak, Rozita Superman berkata, kesemua pokok yang dirampas dibawa masuk tanpa permit import sah hasil pemeriksaan ke atas kenderaan awam yang memasuki negara.

Menurutnya, pokok-pokok tersebut dibawa masuk melalui kenderaan persendirian dan bas pelancong semasa musim cuti.

"Antara anak pokok yang dirampas adalah durian, kelapa, nenas, tebu, buah, ubi, bunga hiasan dan pelbagai bahan sayur-sayuran. Selain itu beberapa barang lain yang turut ditahan adalah produk hasilan haiwan iaitu sesej sebanyak 50 kilogram dan dianggarkan keseluruhan barang bernilai lebih dari

pada RM1,500.

"Kesemua barang yang dirampas akan disiasat di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Peneksan Malaysia 2011 dan peraturan berkaitan," katanya dalam satu nyataan semalam.

Beliau berkata, tahap kesedaran yang masih rendah di kalangan penumpang-penumpang awam menyebabkan cubaan membawa masuk ini berlaku.

Menurutnya, setiap keluaran pertanian yang diimport perlu mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan bagi mengawal kemasukan penyakit tumbuhan selain menjamin keselamatan makanan agar sentiasa bersih dan selamat untuk dimakan oleh rakyat Malaysia.

Katanya, aktiviti mengimport keluaran pertanian tanpa Permit Import merupakan kesalahan Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.



FOTO: IHSAN MAQIS PERAK

Pegawai Maqis Perak menunjukkan pokok-pokok dan barang yang dirampas di pintu masuk Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH DAN JENAYAH	12

## 200 kilogram produk pertanian Thailand dirampas

**TUMPAT** - Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan berjaya mematahkan cubaan membawa masuk pelbagai ke- luaran pertanian bernilai RM2,000 tanpa sebarang dokumen sah di Kom- pleks Imigresen, Kastam dan Kuaran- tin (ICQ) Pengkalan Kubor di sini semalam.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan dari Thailand di Kompleks ICQS Peng- kalan Kubor kira-kira jam 8.30 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati ken- deraan tersebut membawa keluaran pertanian seperti mangga, ubi keledek dan pisang serta pelbagai jenis sosej dengan anggaran berat 200 kilogram.

"Keluaran pertanian itu dipercayai dibawa masuk untuk kegunaan sendiri," katanya semalam.

Beliau berkaya, keluaran pertanian tersebut telah ditahan dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhid- matan Kuaran tin dan Pemeriksaan Ma- laysia 2011 [Akta 728] kerana tidak



Produk pertanian yang dirampas oleh Maqis Kelantan di ICQS Pengkalan Kubor semalam.

mempunyai permit import dan Sijil Kesihatan dari negara asal.

Pengimport boleh dihukum di ba- wah Seksyen 11(3) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak me- lebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.